



## **GARISPANDUAN PENGGUNAAN ANTIGEN RAPID TEST (ART) BAGI PIHAK PENGURUSAN JABATAN KERAJAAN, SWASTA DAN SYARIKAT PERSENDIRIAN.**

1. Ujian *antigen rapid test (ART)* adalah merupakan satu ujian saringan virus SARS-CoV-2 yang menyebabkan COVID-19. Ianya adalah ujian yang cepat dan mudah dan boleh dilakukan sendiri oleh individu. Walau bagaimanapun, keputusan *ART* positif adalah memerlukan ujian pengesahan ujian *Poymerase Chain Reaction (PCR)* swab.
2. Pastikan ujian *ART* yang digunakan telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Sila rujuk ke laman sesawang <http://www.moh.gov.bn/SitePages/COVID-19.aspx> bagi alat-alat ujian yang diiktiraf.

### **SEKSYEN A - CARA PENGGUNAAN ART**

#### 1. Sebelum ujian

- a) Baca arahan penggunaan *ART* yang disediakan oleh pihak pengeluar.
- b) Pastikan alat ujian adalah lengkap, tidak mansuh dan tidak rosak.
- c) Mencuci tangan sebelum memulakan ujian.
- d) Memastikan tempat ujian adalah bersih dan mempunyai pengudaraan yang baik.
- e) Petugas yang ada mestilah menggunakan sungkup muka, sarung tangan dan apron plastik sepanjang masa.

#### 2. Semasa ujian

- a) Menggunakan swab yang disediakan untuk mengambil sampel air liur, nasal swab (hidung) atau sampel lain mengikut arahan penggunaan yang disediakan.
- b) Ujian boleh dilakukan sendiri oleh individu tersebut.
- c) Membaca keputusan ujian mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan mengikut arahan penggunaan yang disediakan.
- d) Mencatat keputusan ujian ke dalam buku pendaftaran (jika diperlukan oleh pihak Pengurusan Jabatan, swasta atau syarikat persendirian).

#### 3. Selepas ujian

- a) Buang semua alat ujian *ART* ke dalam plastik dan diikat dengan sempurna. Simpan plastik yang diikat tersebut ke dalam satu lagi plastik sampah yang lain.
- b) Buang plastik sampah yang sudah diikat ke dalam tong sampah yang tertutup.
- c) Bersihkan permukaan seperti meja ujian dengan sabun dan bahan *disinfectant*.
- d) Cuci tangan menggunakan air dan sabun atau sanitiser tangan setelah selesai.

## **SEKSYEN B - KEPUTUSAN UJIAN ART**

### **A. Ujian ART NEGATIF**

- i. Teruskan mengambil langkah berwaspada dengan mengamalkan kebersihan diri, penggunaan sungkup muka dan mematuhi penjarakan fizikal.
- ii. Teruskan memantau kesihatan awda dan jika mengalami tanda-tanda masalah pernafasan untuk segera pergi ke klinik-klinik flu yang berdekatan.

### **B. Ujian ART POSITIF**

- i. Sila ambil gambar alat atau kit ujian tersebut bersama muka dan kad pengenalan pesakit.
- ii. Pergi ke Pusat Swab untuk ujian pengesahan PCR dengan segera, dengan menggunakan pengangkutan sendiri atau pun pengangkutan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Jika menggunakan pengangkutan yang disediakan, duduk di tempat belakang yang bertentangan dengan pemandu. Buka tingkap dan pakai sungkup muka di sepanjang perjalanan.
- iii. Setelah selesai ujian swab PCR, segera kembali ke rumah untuk mengasingkan diri sehingga menerima keputusan ujian.
- iv. Jika keputusan **ujian PCR adalah negatif**, teruskan mengambil langkah berwaspada dengan mengamalkan kebersihan diri, penggunaan sungkup muka dan mematuhi penjarakan fizikal serta segera pergi ke klinik-klinik flu yang berdekatan jika mengalami tanda-tanda jangkitan.
- v. Jika keputusan **ujian PCR adalah positif**, individu tersebut mestilah meneruskan pengasingan diri dan menunggu panggilan dari pihak Kementerian Kesihatan dalam masa 24-48 jam.
- vi. Jika mengalami tanda-tanda teruk seperti demam panas yang kuat, sesak nafas, lemah badan, muntah-muntah dan tiada selera makan untuk segera membuat panggilan ke talian kecemasan 991.

### **C. Ujian TIDAK SAH**

- i. Ulangi ujian ART dengan segera.
- ii. Jika keputusan ujian ulangan masih tidak sah, sila ikut arahan ujian ART positif di atas (seksyen B) iaitu lakukan ujian PCR untuk mengesahkan status jangkitan.